

Zainal Abidin Mahu Fokus Kepada Tugas Di P. Pinang
Bernama
21 Ogos, 2013

GEORGE TOWN, 21 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang Datuk Zainal Abidin Osman berkata antara sebab beliau tidak mahu mempertahankan jawatannya dalam Majlis Tertinggi Umno kali ini ialah kerana mahu menumpukan sepenuh perhatian kepada tanggungjawab di negeri itu.

"Selain jawatan ketua bahagian (Nibong tebal) dan pengerusi badan perhubungan, kini saya diberi tanggungjawab lebih sebagai pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang (menggantikan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop).

"Justeru itu saya harus bekerja lebih gigih memastikan sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional (BN) meningkat," katanya yang ditemui pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri anjuran JKP Sdn Bhd, di sini Rabu.

Beliau yang bertegas dengan keputusan untuk tidak mempertahankan keanggotaannya dalam MT pada pemilihan Umno Oktober ini bagaimanapun berkata akan mempertahankan jawatan ketua bahagian.

Menurut Zainal Abidin, adalah lebih baik pemilihan peringkat pusat ditandingi calon-calon muda yang merupakan pemimpin pelapis Umno.

Mengulas perkara berkaitan, Zainal Abidin berkata isu kekosongan jawatan pengerusi BN negeri akan dibincangkan selepas pemilihan semua parti komponen selesai.

Siapa juga yang dilantik, baik daripada MCA mahupun Gerakan, Umno Pulau Pinang akan menyokong, katanya.

Beliau juga menegaskan Umno tidak berhasrat merebut kerusi itu yang dikosongkan oleh Setiausaha Agung Gerakan Teng Chang Yeow pada Mei lepas.

Pada pilihan raya umum ke-13 lepas, BN Pulau Pinang hanya menang 13 kerusi dewan undangan negeri dan kesemuanya menerusi Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971556>